

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Kerajaan merancang untuk mengangkat 'cyber games' atau E-Sukan sebagai industri baharu dalam menjana pendapatan negara di peringkat benua Asia dan antarabangsa pada masa depan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak. Perdana Menteri berkata ini sejajar dengan perkembangan

industri ini akan pergi lebih jauh di peringkat Olimpik. "Oleh kerana itu, apabila kita anggap ia sebagai industri baharu, sudah tentu ia akan janjikan pelbagai peluang, bukan sahaja dari sudut hiburan dan gaya hidup semata-mata, tapi industri baharu. "Namun, kita mesti sediakan orang-orang kita supaya menjadi penjana,

Malaysia Book of Records (MBR), Tan Sri Danny Ooi dan Presiden Kelab Suara Anak Muda 1Malaysia Datuk Armand Azha Abu Hanifah.

Najib berkata kerajaan peka kepada kehendak dan keperluan anak muda untuk hari ini dan masa depan termasuk menerusi sokongan kepada



CYBER GAMES MAMPU JANA PENDAPATAN NEGARA PADA MASA DEPAN

industri tersebut yang menjadi ikutan bukan sahaja masyarakat antarabangsa malah di kalangan generasi anak muda tempatan sendiri yang menjadikannya sebagai sumber pendapatan dan gaya hidup baru. "Saya difahamkan sukan ini akan diangkat sebagai sukan di peringkat Sukan Asia di Indonesia tahun ini, mungkin

pembekal dan pelaku aktif dalam cyber games ini," katanya sewaktu berucap melancarkan edisi kedua Malaysia Cyber Games 2018 (MCG18) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Turut hadir Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, Pengasas

usaha mempelbagaikan program berkaitan E-Sukan dengan lebih meluas lagi di negara ini.

"Jika kita tidak faham dengan kehendak anak muda, bukan bermakna kita perlu menolak, sebaliknya kita perlu menerima perubahan dalam ekonomi digital dan Revolusi Keempat. Ini gaya



hidup baharu untuk orang muda.”
 “Kerajaan mestilah berorientasikan anak muda, mestilah berasaskan kepada keperluan masa depan dan amalkan pembaharuan. Kita mesti berorientasikan anak muda, (keperluan) masa depan, fokus dan berpaksikan digital.

“Atas sebab itu, sebagai sebuah kerajaan, kita mesti menjadi kerajaan yang prihatin dan memahami golongan muda, bahasa dan memenuhi keperluan dan aspirasi mereka,” katanya yang turut menyokong cadangan Armand Azha sewaktu dalam ucapan awalnya agar Malaysia Cyber Games (MCG) diiktiraf sebagai persatuan yang mewakili E-Games di negara ini.

Pada majlis itu, Najib turut menyaksikan pengiktirafan MCG18 dalam Malaysia Book of Records sebagai penganjuran permainan video terbesar di negara ini dengan mempertandingkan

sembilan permainan video dan penyertaan sebanyak 2,062 peserta. MCG18 dianjurkan Suara Anak Muda 1Malaysia dan Briged Kesatria yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM300,000 di mana peserta perlu berentap dalam sembilan permainan video popular selama dua hari bermula

semalam. Permainan video yang dipertandingkan adalah Counter Strike GO, Dota 2, FIFA 2018, Street Fighter, Mobile Legends, Tekken 7, Player Unknown Battleground (PUBG), Justice League 2 dan F1 2017 Racing.

-- BERNAMA

